

19 OCT 2001

Belanjawan-Bonus

BONUS SETENGAH BULAN, KENAIKAN GAJI 10 PERATUS BAGI KAKITANGAN AWAM

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Lebih daripada 900,000 kakitangan awam akan menikmati bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 tahun ini dan kenaikan gaji 10 peratus tahun depan.

Semasa membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata separuh daripada bonus itu akan dibayar bulan ini dan separuh lagi pada November.

"Saya berharap ganjaran ini dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan terutamanya bagi menyambut perayaan dan juga sebagai persediaan bagi perbelanjaan persekolahan anak-anak," katanya.

Mengenai kenaikan gaji, Dr Mahathir berkata kerajaan prihatin terhadap pendapatan pegawai dan kakitangannya.

Pelarasan gaji yang terakhir dilaksanakan pada 1995 dan kerajaan seterusnya telah menaikkan gaji pokok sebanyak 10 peratus tahun lepas.

Dr Mahathir berkata pelarasan gaji akan datang merupakan tambahan pendapatan berjumlah 1.2 bulan gaji setahun.

Beliau berkata: "Tambahan ini dapat dibuat memandangkan hasil kerajaan telah meningkat kerana pertumbuhan ekonomi dan pengurusan kewangan yang berhemat yang mengelak dari perbelanjaan membazir.

"Kerajaan berharap pemberian bonus dan kenaikan gaji ini bersama dengan penghapusan sekatan bonus kepada sektor swasta akan dapat meningkatkan kuasa beli sebenar sebahagian besar rakyat.

"Saya berharap ia juga akan mendorong kita semua untuk melipatgandakan usaha ke arah meningkatkan lagi produktiviti dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara."

-- BERNAMA

MFJ AHH RON